

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN
HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]**

TARIKH : 10.11.2014

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memulakan pembinaan SK Tanjong baru untuk menggantikan sekolah yang sedia ada kerana kesan hakisan oleh Sungai Limbang yang semakin teruk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan projek gantian penuh SK Tanjong di Limbang, Sarawak telahpun diluluskan dalam *Rolling Plan* Ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2014 dan kini dalam fasa pelantikan perunding.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM GUAN ENG**
[BAGAN]

TARIKH : **10 NOVEMBER 2014**

SOALAN : **20**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan alasan kerajaan pusat bersedia membelanjakan RM2 bilion membina lapangan terbang di Sidam, Kedah tetapi pada masa sama tidak rela menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Adakah projek baru di Sidam akan menjadi projek gajah putih sebagaimana Lapangan Terbang Melaka bernilai RM250 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kerajaan adalah dalam proses melaksanakan satu kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi meneliti sama ada keperluan untuk sebuah lapangan terbang di antara Sidam, Kedah termasuk penaiktarafan lapangan terbang yang sedia ada iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Melalui hasil kajian tersebut, ia akan dapat menentukan *viability* keperluan lapangan terbang baru dan penaiktarafan lapangan terbang sedia ada supaya projek yang akan dilaksanakan itu akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

SOALAN (21)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 10 NOVEMBER 2014
[ISNIN]
DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]

SOALAN :-

Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan adakah dana Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia bagi menyelenggarakan dan membaik pulih rumah kos rendah akan diperluaskan kepada pemohon di seluruh negara khususnya di negeri Kedah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Pada **20 April 2012** Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan TP1M diperluaskan ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta.

Bagi negeri Kedah, TP1M telah dilaksanakan pada tahun 2013 di Rumah Pangsa Kulim Square dan satu lagi sedang dilaksanakan di Rumah Pangsa Delima Jati, Taman Jati, Kulim.